

## SOALAN-SOALAN LISAN

### **MESYUARAT KETIGA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

### **PERSIDANGAN KELIMA 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

---

#### **1. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN ( BEHRANG )**

Apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam menangani isu keselamatan dan menurunkan kadar jenayah di DUN Behrang, termasuk usaha mempertingkatkan keberkesanan pengawasan keselamatan?

#### **2. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN ( SELAMA )**

SEKTOR TENAGA BOLEH BAHARU,AIR DAN PERUBAHAN IKLIM

- I) Tenaga boleh baharu, nyatakan tapak Large Scale Solar Farm yang terdapat di negeri Perak dan berapakah jana tenaga yang dihasilkan daripada Ladang Solar ini?
- II) Perubahan iklim. Apakah program penghijauan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti udara dan mengurangkan impak perubahan iklim?

#### **3. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

Berapakah jumlah peratusan capaian internet dan talian komunikasi khususnya di kawasan luar bandar dan apakah kadar keupayaan jalur lebar internet terkini di kawasan Hutan Melintang?

#### **4. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN ( AYER KUNING )**

Bandar pintar merujuk kepada bandar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi untuk menangani isu dan cabaran perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup, ekonomi, kemampunan alam sekitar serta memastikan pengurusan bandar yang efektif dan efisien.

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan kearah pelaksanaan bandar pintar ini?

#### **5. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Lembaga Air Perak memiliki loji rawatan air di kawasan tадahan Hutan Lipur Pecah Batu Trong yang beroperasi sejak sekian lama. Masalah yang berlaku adalah apabila hujan lebat yang melampau menyebabkan loji tersumbat dan pembekalan air domestik terganggu. Apakah langkah penyelesaian jangka masa panjang pihak LAP bagi mengatasi masalah tersebut?

**6. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL ( CHANGKAT JERING )**

Apakah inisiatif khusus yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk mempromosikan pelancongan yang mampu dimiliki oleh rakyat tempatan?

**7. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Apakah status terkini tentang mewartakan kawasan pendaratan penyu di persisiran pantai Pasir Panjang, Segari, dari Teluk Akuan sehingga ke Tanjung Hantu sebagai kawasan perlindungan serta status Taman Negeri bersama kawasan berhampiran pendaratan penyu sebagai hutan simpanan kekal?

**8. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ ( KAMUNTING )**

Mengikut rekod Seksyen 90A Kanun Tanah Negara (KTN) yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk melanjutkan tempoh pegangan hakmilik bertempoh iaitu bagi jenis hakmilik Pajakan Mukim (PM) dan Pajakan Negeri (PN). Berapakah permohonan yang telah diterima dan pecahan mengikut kaum sejak dari mula berkuat kuasa Seskyen 90A KTN hingga Oktober 2024?

**9. YB ENCIK GOH SEE HUA ( PASIR PINJI )**

Terminal Feri Antarabangsa Hutan Melintang Bagan Datuk telah dibuka semula pada April tahun ini dan menghubungkan Hutan Melintang dengan Pelabuhan Teluk Nibung di Tanjung Balai, Sumatera, Indonesia yang menjadi pengangkutan utama pekerja warga negara jiran itu berulang-alik setiap kali perayaan.

- a) Apakah data statistik penumpang sejak bulan April hingga terkini?
- b) Apakah impak positif pembukaan semula Terminal Feri Antarabangsa khususnya untuk sektor pelancongan dan perindustrian?
- c) Apakah inisiatif Terminal Feri Antarabangsa khususnya untuk sektor pelancongan dan perindustrian?

**10. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA ( PANGKOR )**

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyasarkan 500,000 wanita di negara ini dilindungi oleh Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) menjelang hujung tahun ini.

Berapa ramaikah golongan suri rumah tersebut yang telah mencarum di negeri Perak dan apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan pendaftaran daripada golongan sasar ini?

**11. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Rancangan tebatan banjir. Mohon nyatakan perkembangan semasa projek-projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan di Daerah Kinta?

## **12. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG ( CHENDERIANG )**

Pusat transit kesihatan bagi masyarakat orang asli di kawasan Tapah Program pembangunan masyarakat Orang Asli menekankan peningkatan kualiti hidup termasuk kesihatan. Adakah usaha kerajaan mewujudkan pusat transit kesihatan yang khusus dibina bagi menampung keperluan masyarakat Orang Asli di kawasan Tapah?

## **13. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

PERLOMBONGAN NR-REE DI HULU PERAK

- a) Apakah SOP atau mekanisme yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dalam mengekang kesan kepada ekosistem sekitar, terutamanya kepada sungai hasil kegiatan aktiviti perlombongan NR-REE?
- b) Sejauh mana komitmen yang telah diberikan oleh kerajaan negeri melalui pihak berwajib dalam mengawal selia setiap sisa-sisa perlombongan yang ada, kerana ia tetap mendatangkan impak negatif kepada alam sekitar dan penduduk setempat?

## **14. YB ENCIK ONG BOON PIOW ( BERCHAM )**

Tentang penempatan tanpa permohonan oleh KRT, RELA, dan NGO-NGO atas padang rekreasi tanah kerajaan.

- i. Apakah tindakan akan dikenakan atas penempatan sebegini, sebagai contoh menempatkan pejabat kontena, tandas serta membuat penanaman atas tanah milik kerajaan?
- ii. Kebanyakan badan-badan sebegini yang telah tidak aktif, atau berfungsi menjadi tempat menjaja dan menjadikan setor. Adakah pihak kerajaan negeri dan PBT, akan menentukan syarat lebih ketat ,agar fenomena ini tidak menjadi contoh pihak lain untuk mengikut?
- iii. Terdapat beberapa contoh perkara ini berlaku di DUN Bercham, bolehkah kawasan DUN Bercham menjadi contoh baik agak keadaan ini tidak kekal dan akan berlaku pada masa depan?

## **15. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

Pengangkutan awam di Ipoh

- a) Bagaimanakah keberkesanan sistem pengangkutan awam di Ipoh dalam memenuhi keperluan pengguna, terutama di kawasan yang kurang akses seperti pinggir bandar dan luar bandar?
- b) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di Ipoh bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara?

**16. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN ( LUBOK MERBAU )**

Apakah perancangan kerajaan dalam membangun kesedaran pendidikan gerontologi di Negeri Perak khususnya dalam memelihara kesejahteraan warga emas dan kehidupan menua yang lebih terjamin?

**17. YB ENCIK AZMAN BIN NOH ( PENGKALAN BAHARU )**

Tanah JKPTG di atas nama PDRM seluas 0.8 ekar merupakan bekas tapak perumahan polis yang telah tidak digunakan setelah kerajaan membina perumahan polis di tempat lain yang lebih luas berhampiran dengan tempat itu dan akhirnya tempat itu terbiar begitu saja.

Soalan saya:

Adakah boleh kerajaan negeri melakukan “ swap land” dengan lain-lain tanah Persekutuan memandangkan kawasan tersebut sangat strategik untuk di buat sebarang bentuk pembangunan di situ?

**18. YB KAPT (B) DATO’ HAJI MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS( BATU KURAU )**

Ingin bertanya kepada YAB MB, sejauh mana usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan sebuah bank di Batu Kurau.

**19. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN ( BUNTONG )**

Terdapat beberapa projek kedai-kedai lot bertingkat yang terbiar di kawasan bandaraya Ipoh yang menjadi punca kepada masalah-masalah lain termasuk masalah jenayah. Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menangani masalah dengan izin "ghost town" ataupun bangunan-bangunan lot kedai bertingkat yang terbiar? Adakah pihak Majlis Bandaraya Ipoh dan kerajaan negeri mempunyai perancangan jangka masa panjang bagi menyelesaikan masalah ini?

**20. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

- Apakah rasional Kerajaan Negeri memansuhkan Hutan Simpan Segari Melintang, Teluk Mengkudu, Daerah Manjung?
- Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menjamin tidak terjejasnya ekosistem, alam sekitar dan pendapatan nelayan di kawasan sekitar?

**21. YB ENCIK NGA KOR MING ( KEPAYANG )**

**PERKEMBANGAN SEKTOR SUKAN**

- Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan prasarana fasiliti sukan tidak diabaikan penggunaannya selepas penganjuran SUKMA 2018?
- Negeri Perak menduduki di tempat ke-7 dalam SUKMA 2024 (dengan 35 Emas/ 38 Perak / 56 Gangsa). Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan kedudukan negeri Perak dapat ditingkatkan dalam SUKMA yang akan datang?
- Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan atlet-atlet negeri tidak terpinggir dan kebajikan mereka dijaga?

**22. YB ENCIK TIW TEE SIANG ( TRONOH )**

Apakah tindakan yang akan dan boleh diambil terhadap pemilik tanah Rancangan Perumahan Awam (RPA), kampung-kampung tradisi dan kampung baru berangkai membiarkan tanah mereka dipenuhi semak-samun, pokok besar dan membawa kacau ganggu kepada jiran?

Berapakah dana penyelenggaraan yang disediakan oleh kerajaan bagi menyelenggara longkang, jalan, dan rumput bagi kawasan RPA, kampung tradisi dan kampung baru berangkai di kawasan DUN Tronoh?